KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Malaysia Press
TAJUK	Kerajaan peruntuk RM412 juta perkasa masyarakat Orang Asli
PAUTAN	https://tinyurl.com/3bu7nedh

Kerajaan peruntuk RM412 juta perkasa masyarakat Orang Asli

Ben Ibrahim · Nasional · August 19, 2026 · 0 Comments



ROMPIN – Kerajaan terus mengiktiraf peranan dan suara masyarakat Orang Asli dalam pembangunan negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, langkah itu dilaksanakan menerusi inisiatif membabitkan pelbagai aspek termasuk pembangunan sosioekonomi untuk memperkasakan masyarakat Orang Asli.

Katanya, antara fokus dilaksanakan adalah pemerkasaan modal insan, pendidikan, kemahiran, kerjaya, kebajikan dan infrastruktur.

"Komitmen itu dizahirkan melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada masyarakat Orang Asli berjumlah RM412 juta tahun ini.

"Peruntukan itu bagi memastikan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia mendapat akses kepada kesejahteraan hidup berkualiti," katanya, lapor *Berita Harian*.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Kenduri Rakyat Sempena Sambutan Hari Orang Asli 2026 di Kampung Orang Asli Sungai Mok, di sini, semalam.

Berita Terkini

- Dua keluarga tarik nafas lega, terima manfaat Rumah Kasih Ihsan
- 59 kilometer jalan utama Kuala Lumpur dinaik taraf, kerja penurapan dibuat waktu malam
- Malaysia Berselawat himpun hampir 1,000 jemaah, tampilkan tokoh ulama dunia
- Nahas kemalangan maut: Tiga beranak dikebumikan satu liang lahad
- Taktik penganggur cari pendapatan sampingan jual judi terbongkar

Kategori

- Berita Utama
- Ekonomi
- Global
- Hiburan
- Informasi
- Kolumnis
- Nasional
- Negeri
- Politik

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	The Capital Post
TAJUK	KEMAS, TV3 to expand outreach of community and skills programmes
PAUTAN	https://tinyurl.com/3webwp3v

The Capital Post
-Without Prejudice-

Home Exclusive National Education Entertainment Lifestyle Politics Opinion Sports Travel Tech

Home > ENG > KEMAS, TV3 to Expand Outreach of Community and Skills Programmes

ENG NATIONAL

KEMAS, TV3 to Expand Outreach of Community and Skills Programmes

By Gokkul — On Aug 19, 2026 — 106 — 0



Photo: KEMAS Jabatan Kemajuan Masyarakat Facebook

Estimate Reading Time: 2 minutes

PUTRAJAYA, 19 August 2026 (The Capital Post) – The Community Development Department (KEMAS) is planning to collaborate with Media Prima through TV3 to expand public awareness of its community, skills and development programmes nationwide. Destinasi Pelancong

The proposed collaboration aims to highlight KEMAS' role and initiatives since its establishment in 1961, while providing greater exposure to the talents, skills, potential and success stories of grassroots communities.

One of the key focuses will be the KEMAS Festival (FESMA) 2026, scheduled to take place in November, featuring three main programmes – KEMAS Skills Day, Alpha Gen Talents (TABIKA KEMAS Children's Potential Day)and the Islamic Arts Festival (IFEST).

Through the collaboration, KEMAS programmes such as skills demonstrations, participants' creative work, inspirational stories and community entrepreneurs' success stories could be featured through TV3's television and digital platforms in engaging and accessible formats.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	United Daily
TAJUK	Projek Jambatan Sirapi kembali berjalan seperti biasa dan disasarkan siap pada 3 Januari tahun depan
PAUTAN	https://tinyurl.com/bzb7vt6k



Rohani (center) inspects the project site in Lundu on August 18, 2026. Photo: Sarawak Public Communications Unit (UKAS)

The Silabi Bridge project is back on track, with a target completion date of January 3rd next year.

Published at **Aug 19, 2026 02:10 pm**

(Lunau, 19th) The Selampit Bridge project has returned to normal after resolving long-standing payment issues, with a current target completion date of January 3, 2027.

According to the Sarawak Public Communications Unit (UKAS), the project has completed approximately 40% of its physical works following the granting of an Extension of Time (EOT). This progress was disclosed during a project monitoring inspection conducted yesterday (18th).

The inspection was carried out by the Ministry of Rural and Regional Development (KKDW), and Dato' Sri Rohani Abdul Karim, advisor to the Sarawak Prime Minister's Office, was also present.

One of the main issues raised at the monitoring meeting concerned payments to the contractor, which had previously hampered the project's progress.

The contractor recently received RM90,000 from KKDW, but approximately RM370,000 remains unpaid.

Rohani stated that continued monitoring of the project's progress is essential to ensure that any issues affecting the schedule are addressed promptly.

She also hopes that relevant agencies can assist in resolving outstanding payments and technical issues to ensure the project can continue.

Meanwhile, the contractor stated that the project is still underway, and the next phase of construction progress depends in part on the arrival of the required building materials.

The contractor promised to expedite construction once the materials arrive to avoid further delays and meet the revised completion deadline.

This oversight inspection also included an update on the Kendaie Road project, which is currently still in

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Proposed MARA Bill 2026 expected to be tabled in Parliament this November
PAUTAN	https://tinyurl.com/5yu4kszp

Proposed MARA Bill 2026 expected to be tabled in Parliament this November

Local | Politics | 19 Aug 2026 • 6:32 PM MYT

The Sun Daily
For the latest news and features from Malaysia and the rest of the world.



The proposed MARA Bill 2026, aimed at tightening corporate governance and limiting the chairman's administrative powers, is set to be tabled in Parliament in November.

KUALA LUMPUR: The proposed Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bill 2026, aimed at streamlining and strengthening the agency's governance, is now in its final stage and is expected to be tabled in Parliament this November.

MARA chairman Datuk Asyraf Wajdi Dusuki said 80 per cent of the Bill's contents emphasised good governance, based on international standards and sound corporate practices, while limiting the powers of the chairman.

"The powers of the chairman have been reduced, and the chairman cannot be involved in administrative matters, but only serves as a 'check and balance'. It is not about me.

"It is about the institution. I am only here temporarily, but I want to leave behind a legacy where the institution is strong, solid and robust in terms of corporate governance, so that there is no room for any form of corruption, malpractice or misappropriation," he said in his speech at the MARA Sponsored Pre-Departure programme, here today.

On Aug 12, Asyraf Wajdi said the Bill was being drafted to ensure that there would be no further incidents involving abuse of power, weaknesses in governance, misappropriation, irregularities, leakages or wastage, or risks which could cause serious harm to the institution, which is responsible for safeguarding the interests of the Malays and Bumiputera.

He said among the key provisions in the draft MARA Bill 2026, which has received policy approval from the Cabinet, is the reduction of the MARA chairman's powers with the chairman only responsible for chairing the Board of Directors or Council and determining policy matters, compared with the powers provided under the MARA Act 1966.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	HOT fm
TAJUK	Semua dewan makan di MRSM diwajibkan untuk mengutamakan pembelian bahan mentah daripada usahawan Bumiputera
PAUTAN	https://tinyurl.com/3kubrrpk

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	SURIA fm
TAJUK	Semua dewan makan di MRSM diwajibkan untuk mengutamakan pembelian bahan mentah daripada usahawan Bumiputera
PAUTAN	https://tinyurl.com/43ht3cv

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	The role and voice of the Orang Asli community continue to be recognised in national development, both directly and indirectly
PAUTAN	https://tinyurl.com/y7d7k9wd

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Akta MARA 2026, RUU akan dibentang November, kuasa pengerusi terhad
PAUTAN	https://tinyurl.com/2eez7jjx

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	MARA has resumed sending medical students to Al-Asar University in Egypt after the programme was discontinued in 2019, with 78 students forming the first intake this year
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdhr33j4

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	BERNAMA Radio
TAJUK	MARA memperhalusi Prosedur Operasi Standard (SOP) pergerakan pelajar bagi aktiviti outing susulan kes dua pelajar MRSM dilaporkan hilang baru baru ini
PAUTAN	https://tinyurl.com/2uj3p8ue

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	MARA has resumed sending medical students to Al-Asar University in Egypt after the programme was discontinued in 2019, with 78 students forming the first intake this year
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdhr33j4

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	Proposed MARA Bill 2026, expected to be tabled in November
PAUTAN	https://tinyurl.com/2xytwujz

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Kumpulan pertama pelajar perubatan ke Mesir selepas 2019
PAUTAN	https://tinyurl.com/ye83wu44

Kumpulan pertama pelajar perubatan ke Mesir selepas 2019

Kuala Lumpur: Seramai 78 penuntut tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di Mesir tahun ini, sekali gus menjadi kumpulan pertama dihantar ke negara itu selepas program berkenaan dihentikan pada 2019.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, penghantaran semula penuntut perubatan ke Mesir mendapat persetujuan jemaah menteri selepas MARA memperoleh diskaun 50 peratus daripada Universiti Al-Azhar.

"Ini adalah kumpulan pertama yang kita hantar melalui program perubatan selepas kali terakhir pada 2019 dan saya berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas persetujuan untuk menghantar 78 penuntut ini.

"Kita mendapat diskaun 50 peratus daripada Universiti Al-Azhar dan keseluruhan kos seorang penuntut termasuk penginapan selama lima tahun di sana hanya sekitar RM350,000.

"Kos berkenaan jauh lebih rendah berbanding pengajian perubatan dalam negara yang boleh mencecah antara RM700,000 hingga RM800,000 bagi seorang penuntut," katanya pada sidang media Pra-Pelepasan Pelajar Tajaan MARA Ke Luar Negara Perdana 2026, di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), semalam.

Dalam pada itu, Asyraf berkata, 78 penuntut perubatan itu adalah sebahagian daripada 600 penuntut tajaan MARA yang sudah menamatkan pengajian di pusat persediaan termasuk Kolej MARA Seremban, Kolej MARA Banting dan Kolej MARA Kuala Nerang sebelum berlepas secara berperingkat mulai minggu depan.

Beliau berkata, penghantaran semula penuntut bidang perubatan ke Mesir itu juga membuka laluan kepada MARA untuk menyediakan peluang pengajian pada kos lebih rendah tanpa mengetepikan matlamat melahirkan tenaga profesional Bumiputera.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	MARA kembali hantar pelajar perubatan ke Al-Azhar
PAUTAN	https://tinyurl.com/ypa46f44

MARA kembali hantar pelajar perubatan ke Al-Azhar

Kuala Lumpur: Majlis Amanah Rakyat (MARA) kembali menghantar pelajar mengikuti pengajian perubatan di Universiti Al-Azhar, Mesir selepas program berkenaan dihentikan pada 2019, dengan 78 pelajar menjadi kumpulan pertama dihantar tahun ini.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata penghantaran pelajar itu dilaksanakan selepas mendapat persetujuan Jemaah Menteri dengan kos keseluruhan bagi setiap pelajar termasuk penginapan sepanjang lima tahun pengajian dianggarkan RM350,000.

Beliau berkata, kos itu dapat dikurangkan susulan diskaun 50 peratus diberikan Universiti Al-Azhar dan jauh lebih rendah berbanding kos pengajian perubatan dalam negara yang mencecah antara RM700,000 hingga RM800,000 bagi setiap pelajar.

"Ini adalah kumpulan pertama yang kita hantar melalui program perubatan yang mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri.

"Saya ucap terima kasih kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) yang memberikan persetujuan untuk kita menghantar kumpulan pertama ini," katanya kepada pemberita selepas Program Pra Pelepasan Pelajar Tajaan MARA ke Luar Negara Perdana 2026 di sini, semalam.

Sementara itu, Asyraf Wajdi berkata 600 pelajar yang menamatkan pengajian di pusat persediaan MARA akan berlepas secara berperingkat ke luar negara mulai minggu hadapan.

Beliau berkata, mereka terdiri daripada pelajar Kolej MARA Seremban, Negeri Sembilan; Kolej MARA Banting, Selangor dan Kolej MARA Kuala Nerang, Kedah yang akan melanjutkan pengajian di beberapa negara.

Dalam pada itu, MARA dalam kenyataan memaklumkan 11 daripada 600 pelajar tajaan MARA berjaya mendapat tempat di Imperial College London, bagi sesi pengajian tahun ini.

Secara keseluruhan 40 pelajar tajaan agensi itu berjaya mendapat tempat di universiti dalam kelompok 10 terbaik dunia.

BERNAMA

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	RUU MARA 2026 bakal dibentang November
PAUTAN	https://tinyurl.com/yheeut4c

RUU MARA 2026 bakal dibentang November



Asyraf Wajdi pada Majlis Perasmian Program Pra Pelepasan Tajaan MARA ke Luar Negara Perdana 2026 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Undang-Undang baharu hadkan peranan Pengerusi, tak terbabit dalam hal pengurusan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Beberapa kelompongan berkaitan kuasa Pengerusi MARA, yang mengehadkan peranannya dan tidak mencampuri urusan eksekutif pengurusan adalah antara perkara diberi perhatian dalam Rang Undang-Undang (RUU) Majlis Amanah Rakyat (MARA) 2026 yang bakal dibentangkan di Parlimen, November ini.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata RUU baharu itu juga membabitkan tadbir urus dan operasi yang baik dengan kuasa Pengerusi MARA turut dikurangkan, tidak boleh terbabit dalam hal pentadbiran.

Katanya, RUU baharu itu terbabit dapat diguna pakai selari dengan hasrat memantapkan ekosistem institusi yang sudah berusia 60 tahun itu.

"Kami di MARA sedang 'revamp' (membuat rombakan) terhadap keseluruhan akta (Akta MARA 1966) dan diharapkan sebelum hujung tahun ini, kita akan ada Akta MARA 2026 yang baharu dengan 80 peratus (inti pati) beri penekanan kepada tadbir urus dan operasi yang baik.

"Mana ada Pengerusi yang nak buang kuasa dia, tapi (RUU) ini bukan mengenai saya 'daddy MARA' tetapi mengenai institusi, jadi saya nak tinggalkan MARA nanti dengan legasi, maksudnya mesti ada akta yang mantap terutama dalam aspek tadbir urus korporat, jadi tak berlaku apa sekali pun bentuk penyelewengan," katanya ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perasmian Program Pra Pelepasan Tajaan MARA ke Luar Negara Perdana 2026 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) MARA, Zahari Aziz.

Rai 600 pelajar tajaan MARA

Pada majlis berkenaan, MARA meraikan kira-kira 600 pelajar tajaan institusi itu yang akan melanjutkan pengajian ke luar negara, bagi tahun ini secara berperingkat mulai minggu depan.

Ia membabitkan sembilan negara iaitu China, New Zealand, Korea Selatan, Perancis, Australia, Ireland, Kanada, United Kingdom dan Mesir.

Asyraf Wajdi dalam kenyataan sebelum ini turut memaklumkan, RUU baharu itu juga mewujudkan beberapa Jawatankuasa Lembaga yang wajib termasuk Jawatankuasa Audit MARA, Jawatankuasa Pelaburan MARA, Jawatankuasa Kewangan dan Tadbir Urus MARA serta Jawatankuasa Risiko MARA.

Katanya, buat pertama kali juga Jawatankuasa Syariah diwujudkan untuk memastikan segala aspek operasi MARA mematuhi prinsip syariah.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	TVET harapan perkasa semula industri batik luar bandar
PAUTAN	https://tinyurl.com/yjmk4fuh

TVET harapan perkasa semula industri batik luar bandar



Oleh Dr Nor Zamza Zuraidah Mohd Najib
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA, UUM)

Di sebalik keindahan corak canting dan warna-warni batik menghiasi pentas fesyen antarabangsa, terselindung realiti pahit di bengkel batik luar bandar yang semakin lengang daripada tenaga muda.

Warisan berusia lebih 2,000 tahun itu, terutama berkembang sebagai sumber ekonomi komuniti di Kelantan, Terengganu dan Pahang, kini berdepan ancaman senyap apabila tenaga kerja mahir semakin berkurangan.

Batik bukan sekadar produk tekstil, sebaliknya lambang identiti budaya, sumber pendapatan isi rumah dan aset pelancongan negara.

Namun, sebagai industri berintensifkan buruh, kelangsungannya amat bergantung kepada tenaga mahir dalam setiap peringkat pengeluaran, daripada mereka corak, mencanting dan mewarna hinggalah jahitan serta kemasan akhir.

Persoalannya, siapa bakal meneruskan kemahiran itu apabila generasi muda semakin menjauh.

Kajian akademik menunjukkan generasi muda kurang berminat menceburi bidang berasaskan warisan, sebaliknya memilih berhijrah ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan dianggap lebih moden, stabil dan menawarkan pendapatan lebih baik.

Akibatnya, tenaga kerja dalam industri batik kini banyak bergantung kepada pekerja berusia dan secara kontrak, sekali gus menunjukkan rantaian tenaga kerja industri berkenaan semakin rapuh.

Keadaan ini perlu dilihat dalam konteks jurang pembangunan bandar dan luar bandar. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan pada Oktober 2025, pendapatan isi rumah purata di bandar mencecah RM10,145 sebulan berbanding RM5,669 di luar bandar.

Bagi pendapatan penengah pula, bandar mencatatkan RM8,139 berbanding RM4,588 di luar bandar.

Jurang ini memperlihatkan kepentingan mewujudkan peluang ekonomi yang mampan di luar bandar, khususnya menerusi industri berasaskan warisan seperti batik.

Dalam konteks ini, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sepatutnya menjadi jambatan menghubungkan generasi muda dengan industri. Namun, sejauh mana sistem itu benar-benar memenuhi keperluan industri batik.

Malaysia sebenarnya mempunyai rangkaian institusi TVET luas dengan lebih 1,100 institusi latihan kemahiran di bawah pelbagai kementerian dan agensi.

Selain Institut Latihan Perindustrian (ILP), GIATMARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Vokasional dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), terdapat kursus khusus seperti Operasi Pengeluaran Batik bertujuan melahirkan tenaga mahir dalam bidang berkenaan.

Kerajaan turut menetapkan sasaran 70 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti aliran TVET menjelang akhir Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Namun, kadar kebolehpasaran graduan TVET yang tinggi, iaitu 88.9 peratus, tidak semestinya bermakna graduan kekal bekerja dalam bidang yang dipelajari.

Inilah paradoks dihadapi industri batik. Latihan disediakan, tetapi pengekalan tenaga kerja masih menjadi persoalan.

Antara cabaran utama ialah persepsi terhadap kerjaya dalam industri batik yang masih dianggap tradisional dan kurang menjanjikan masa depan.

Perluas potensi pasaran batik

Tanggapan itu perlu diubah kerana pasaran batik kini tidak lagi terhad kepada pelanggan tempatan, malah mempunyai potensi di pasaran antarabangsa.

Pada masa sama, terdapat jurang antara kurikulum TVET dengan tuntutan industri kreatif moden.

Pengusaha hari ini bukan sahaja perlu mahir mencanting, tetapi turut perlu menguasai reka bentuk kontemporari, penjenamaan, pemasaran digital, pengurusan pernlagaan dan strategi eksport.

Kemahiran tambahan ini penting bagi memastikan produk batik bukan sekadar cantik, tetapi mampu bersaing dari segi nilai, jenama dan pasaran.

Cabaran lain ialah tempoh latihan. Kemahiran seni batik tradisional tidak boleh dikuasai dalam masa singkat kerana memerlukan latihan berulang, pengalaman dan bimbingan penggiat industri.

Lebih penting, graduan memerlukan sokongan selepas tamat latihan. Tanpa modal, akses pasaran, jaringan pernlagaan dan pembiayaan mikro, kemahiran diperoleh berisiko terhenti begitu sahaja apabila mereka pulang ke kampung.

> Dalam konteks ini, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sepatutnya menjadi jambatan menghubungkan generasi muda dengan industri. Namun, sejauh mana sistem itu benar-benar memenuhi keperluan industri batik

Usaha Kraftangan Malaysia menggalakkan kepelbagaian teknik dan reka bentuk perlu terus diperkukuh bagi memenuhi cita rasa pasaran yang semakin pelbagai.

Platform promosi seperti Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026 juga boleh dimanfaatkan untuk menjadikan batik bukan sekadar cenderamata, tetapi produk kreatif bernilai tinggi mempunyai identiti Malaysia.

Pada masa sama, kerjasama antara institusi TVET dan penggiat industri perlu diperluas. Peserta latihan wajar didedahkan bukan hanya kepada teknik mencanting, tetapi aspek penjenamaan, nilai tambah produk, pemasaran digital dan kesediaan eksport.

Kurikulum TVET batik juga perlu disemak secara berkala supaya sentiasa seiring dengan kehendak industri.

Insentif khusus seperti biasiswa, pengiktirafan usahawan batik muda, pembiayaan mikro, ruang pernlagaan bersama dan akses kepada platform e-dagang boleh membantu menjadikan bidang ini lebih menarik kepada generasi baharu.

Kerjasama tiga hala antara kerajaan, institusi pendidikan dan penggiat industri juga perlu diperkukuh supaya latihan tidak terpisah daripada realiti pasaran.

Batik bukan sekadar corak di atas kain, sebaliknya cerminan identiti, kreativiti dan mata pencarian komuniti.

Jika TVET mampu diperkasakan bersama ekosistem keusahawanan kukuh, industri ini bukan sahaja boleh diselamatkan daripada kehilangan tenaga mahir, malah berpotensi menjadi pemacu ekonomi kreatif luar bandar.

Canting yang hampir padam itu masih boleh dinyalakan semula. Namun, untuk memastikan apinya terus menyala, generasi muda perlu diyakinkan batik bukan warisan masa lalu semata-mata, tetapi kerjaya dan industri masa depan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Kerjasama antara institusi TVET dan penggiat industri perlu diperluas bagi menjamin industri terus berkembang seiring kemajuan teknologi. (Foto hiasan)

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	The Star
TAJUK	Proposed MARA Bill likely to be tabled in November
PAUTAN	https://tinyurl.com/35r5bemb

Proposed Mara Bill likely to be tabled in November

KUALA LUMPUR: The proposed Majlis Amanah Rakyat (Mara) Bill 2026, aimed at streamlining and strengthening the agency's governance, is expected to be tabled in Parliament this November, says Datuk Asyraf Wajdi Dusuki.

The Mara chairman said 80% of the Bill's contents emphasises good governance, international standards, sound corporate practices and limiting the powers of the chairman.

"Under the proposed Bill, the powers of the chairman have been reduced.

"The chairman cannot be involved in administrative matters but only serves as a 'check and balance'," he said.

Asyraf Wajdi said he wants to leave behind a legacy where the institution is strong, solid and robust in terms of corporate governance.

"This is so that there is no room for any form of corruption, malpractice or misappropriation," he said in his speech at the Mara sponsored pre-departure programme.

On Aug 12, Asyraf Wajdi had said the proposed Bill aims to ensure there would be no further incidents involving abuse of power, weaknesses in governance, misappropriation, irregularities, leakages or risks that could cause serious harm to the institution.

He said the Mara Act 1966 needed to be updated, as it is no longer in line with current developments and corporate governance requirements.

Meanwhile, Asyraf Wajdi said Mara has resumed sending medical students to Al-Azhar University in Egypt after the programme was discontinued in 2019, with 78 students forming the first intake this year.

He said the decision to send the students was made after obtaining Cabinet approval, with the total cost for each student, including accommodation for the five-year course, estimated at RM350,000.

He said the cost was reduced following a 50% discount offered by Al-Azhar University and is significantly lower than pursuing medicine locally, which could reach between RM700,000 and RM800,000 per student.

"This is the first group we are sending through the medical programme following approval by the Cabinet.

"I would like to thank the Prime Minister (Datuk Seri Anwar Ibrahim) for agreeing to allow us to send this first group."

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	600 pelajar MARA ke luar negara
PAUTAN	https://tinyurl.com/ap386559

600 pelajar Mara ke luar negara

KUALA LUMPUR - Seramai 600 pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat (Mara) bakal ke luar negara secara berperingkat bagi menyambung pengajian membabitkan pembiayaan pelaburan pendidikan sebanyak RM489 juta.

Bukan itu sahaja, 11 pelajar Mara turut mencipta pencapaian membanggakan apabila memperoleh tempat di universiti kedua terbaik dunia berdasarkan QS World University Rankings 2026, iaitu Imperial College London, United Kingdom (UK).

Pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, pencapaian itu antara kejayaan utama pelajar tajaan Mara tahun ini dengan 40 pelajar mendapat tempat di universiti dalam kelompok 10 terbaik dunia, manakala 107 lagi di 20 universiti terkemuka dunia.

Menurutnya, ini membuktikan keupayaan anak-anak bumiputera bersaing dengan pelajar terbaik dari seluruh dunia.

"Kejayaan 11 pelajar mendapat tempat menyambung pengajian di Imperial College London membuktikan anak-anak Mara memiliki keupayaan, daya saing dan potensi untuk menyerlah di pentas global.

"Pergilah ke dunia, kuasai ilmu, bina jaringan dan karakter. Jangan hanya pulang sebagai graduan universiti terbaik dunia. Pulanglah sebagai bakat terbaik yang diperlukan Malaysia. Paling penting sekali, jangan lupa ALLAH SWT, solat dan asal-usul," katanya.

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



Asyraf Wajdi bersama anak-anak Mara semasa Program Pra-Pelepasan Tajaan Mara ke Luar Negara Perdana 2026 di WTC Kuala Lumpur pada Rabu.

Beliau berkata demikian dalam Program Pra-Pelepasan Pelajar Tajaan Mara ke Luar Negara Perdana 2026 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur di sini pada Rabu.

Sebahagian 600 pelajar itu bakal melanjutkan pengajian ke luar negara tahun ini membabitkan sembilan negara iaitu China, New Zealand, Korea Selatan, Perancis, Australia, Ireland, Kanada, UK dan Mesir.

Antara bidang penting diterapkan berasaskan agenda nasional untuk jangka masa panjang ialah sains, teknologi, kejuruteraan, perubatan, ekonomi dan pengkomputeran.

Lebih membanggakan, menurutnya, seramai 175 pelajar tajaan Mara menamatkan pengajian di Imperial College London, UK, manakala 22 lagi sedang mengikuti pengajian di universiti berprestij tersebut.

Beliau turut memberitahu Mara terus memperkukuh akses pendidikan global dan hubungan strategik dengan institusi serta industri bagi memastikan pelaburan pendidikan berupaya menghasilkan bakat bumiputera yang berdaya saing.

"Kita tidak mahu mereka sekadar masuk ke universiti terbaik dunia, tetapi kita juga mahu mereka keluar sebagai graduan pilihan industri.

"Graduan yang punyai ilmu, kemahiran, karakter, kepimpinan dan pengalaman diperlukan dunia pekerjaan," ujarnya.

Jelas Asyraf Wajdi lagi, pencapaian itu mencerminkan keberkesanan ekosistem pendidikan Mara dalam membangunkan bakat berprestasi tinggi sejak peringkat prauniversiti.

"Ini bukan sekadar angka atau 'ranking'. Di sebalik setiap pencapaian ini ada usaha pelajar, ibu bapa, guru dan pensyarah serta pelaburan Mara dalam membina ekosistem pendidikan yang kompetitif.

"Namun, kejayaan sebenar bukan hanya apabila mereka mendapat ijazah dari universiti terbaik dunia. Kita mahu mereka pulang dengan kepakaran, jaringan, pengalaman dan kemampuan untuk menyumbang kepada industri serta negara," kata Asyraf Wajdi.